

SET 3

**Bahagian A
(Soalan 1-20)**

Soalan 1-4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Kaki abang ke dalam lubang ketika menuruni bukit itu.
 - A. terjunam
 - B. tersekat
 - C. terperosok
 - D. tersungkur

2. Sudah setahun Nathan tamat pengajian dia masih menganggur.
 - A. agar
 - B. yang
 - C. tetapi
 - D. Bahawa

3. Pelayan restoran itu sedulang minuman sambil menuju ke meja Nuqman dan rakan-rakannya.
 - A. menatang
 - B. menjulang
 - C. menggalas
 - D. menjinjing

4. Para penyokong bola sepak berasa cemas kerana peluang pasukan negara untuk memenangi perlawanan itu semakin
 - A. getir
 - B. tipis
 - C. genting
 - D. runcing

Soalan 5-6

Ayat-ayat yang berikut ***mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan. Kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.***

5. Kami meredah hutan tebal itu dengan berpandukan pada peta dan kompas yang

A

B

dibawa bersama. Tiada kesalahan

C

D

6. Para peserta dalam pertandingan perbahasan peringkat kebangsaan itu saling

A

B

bertukar-tukar pandangan tentang masalah alam sekitar. Tiada kesalahan.

C

D

Soalan 7-8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan ***perkataan berhuruf condong dengan betul.***

7. I Merdu sungguh suara Wani mendendangkan lagu *asli* itu
II Masyarakat orang *asli* di kawasan pedalaman itu sudah mula menerima pembaharuan.
III Petroleum dan gas *asli* merupakan sumber mineral yang tidak boleh diperbaharui.
IV Ayu sudah tidak berasa *asli* di tempat kerja baharunya itu.
A. I dan II sahaja C. I, II dan III sahaja
B. III dan IV sahaja D. II, III dan IV sahaja
8. I Saya sedang *mendiamkan* kipas yang berpusing ligat itu
II Ketua kampung Palong Timur *mendiamkan* hal itu daripada pengetahuan penduduk kampung.
III Aini hanya *mendiamkan* diri apabila namanya dipanggil
IV Ibu *mendiamkan* adik yang sedang menangis di dalam buaian
A. I dan II sahaja C. I, II dan III sahaja
B. III dan IV sahaja D. II, III dan IV sahaja
-

Soalan 9 dan 10

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak**. Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan

9. Penduduk kampung Muhibbah bergotong-royong **demi** untuk memperdalamkan parit di tepi surau
A. **demi** mendalam
B. **untuk** perdalamkan
C. **untuk** memperdalam
D. **demi** untuk memperdalamkan
10. Semangat saling bantu-membantu di kalangan masyarakat dapat dipupuk melalui kempen kesedaran yang dianjurkan oleh pelbagai pihak.
A. **saling** bantu di
B. **saling** membantu dalam
C. **saling** bantu-membantu dalam
D. **saling** bantu-membantu di

Soalan 11 dan 12

Pilih **ayat-ayat yang betul**.

11. I Datuk sedang memberikan nasihat kepada semua cucunya di beranda rumah.
II Fawzilah memberitahu perkara itu kepada kakaknya sambil tersenyum.
III Aiman berdiri di tepi tasik lalu melontarkan beberapa biji batu ke dalam tasik itu.
IV Zainab akan menemukan kawan lamanya di pusat beli-belah tersohor itu petang esok.
A I dan II sahaja C. I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D. II, III dan IV sahaja
12. I Banyak isu-isu diperdebatkan oleh pelbagai pihak tentang masalah disiplin pelajar
II Hal itu telah diutarakan oleh ahli-ahli persatuan dalam mesyuarat yang lalu
III Iman dan empat orang rakannya sedang menelaah pelajaran di perpustakaan
IV Affan adalah antara peserta termuda yang mengambil bahagian dalam pertandingan catur itu.
A I dan II sahaja C. I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D. II, III dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

13. Peribahasa yang berikut berkaitan dengan amalan bermuafakat dan bekerjasama, **kecuali**
- A. Seperti cincin dengan permata
 - B. Ke bukit sama didaki ke lurah sama dituruni
 - C. Berat sma dipikul ringan sama dijinjing
 - D. Seperti aur dengan tebing

Soalan 14 hingga Soalan 17 berdasarkan petikan cerpen di bawah

“Lim Meng.” Sayu suara Lim Pooi memanggil nama anaknya. Lim Meng yang melihat sahaja Lim Pooi terus mahu beredar. Dia tahu bahawa papanya tidak suka akannya. Papanya boleh berbuat apa-apa sahaja. Kali ini tentu diparang kepalanya jika dia menjejak kakinya di rumah itu.

“Tunggu, Lim Meng.” Lim Meng berhenti melangkah. Dia memalingkan mukanya ke belakang.

“Maaafkan papa.”

Lim Meng *tidak tega lagi menyimpan dendam*. Dendam itu satu penyeksaan. Namun, apabila memikirkan tindakan yang pernah dibuat oleh papanya dia merasakan bahawa papanya ialah orang yang paling kejam di dunia ini.

“Betul, Lim Meng. Maaafkan papa kamu.” Sim Pau cuba masuk campur.

Lim Meng menahan sebak di dadanya. Air mata mula membanjiri pipinya. Lim Meng berlari-lari anak dan merangkul tubuh Pooi Lam. Mereka berdakapan. Setelah sekian lama, itulah pertama kali Sim Pau melihat air mata Lim Pooi jatuh kerana Lim Meng.

Dipetik daripada cerpen “Kuih Bakul, Limau Mandarin”,
antologi Kuingin Berterima Kasih, Tingkatan 1

14. Maksud rangkai kata *tidak tega lagi menyimpan dendam* ialah

- A. Tidak kuat lagi menaruh amarah
- B. Tidak sanggup lagi menahan tangisan
- C. Tidak tahan lagi melepaskan rasa benci
- D. Tidak sampai hati lagi menaruh perasaaan benci

15. Mengapakah Lim Meng mahu beredar setelah melihat Lim Pooi?

- A. Dia tahu bapanya tidak suka akannya
- B. Dia masih menyimpan dendam terhadap bapanya.
- C. Dia tahu bahawa bapanya ingin memohon maaf kepadanya
- D. Dia merasakan bahawa bapanya adalah orang yang paling kejam di dunia.

16. Berdasarkan petikan cerpen, perwatakan Lim Meng adalah

- A. Jujur
- B. Degil
- C. Ikhlas
- D. Pemaaf

17. Yang berikut merupakan pengajaran yang terdapat dalam petikan cerpen, **kecuali**

- A. Kita hendaklah saling bermaafan antara ahli keluarga
- B. Kita mestilah bersikap jujur terhadap orang lain
- C. Kita haruslah insaf atas kesalahan yang kita lakukan
- D. Kita perlulah sentiasa berkasih sayang sesama ahli keluarga

Soalan 18 hingga soalan 20 berdasarkan petikan prosa tradisional di bawah.

Memerang laki bini pun berdatangkan sembah dengan nyaring suaranya, “Daulat tuanku, ampun tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik harap diampun; yang sedia terjunjung di atas otak batu kepala patik hamba yang hina, yang kedua permaklumkan sembah ke bawah duli tapak cerpu Duli yang Maha Mulia darihal diri patik yang kedua ini sangatlah dianiaya oleh Perdana Menteri tuanku, Syah Alam di Rimba. Sepeninggal patik mencari ayapan didik itu patik tinggalkan ketujuh ekornya menunggu pondok. Hatta patik pun pulang daripada mencari ayapan itu, patik lihat anak didik itu, tuanku, *berkaparan di halaman* pondok patik habis mati semuanya sekali, setengah pecah kepala, setengah patah kaki tangannya. Diperiksa dilihat baik, nyatalah bekas tapak kaki Syah Alam di Rimba, tuanku. Berkeciak sahaja merata-rata halaman patik itu dan merata-rata kepala buaian-buaian anak didik itu. Pada fikiran patik sah dengan nyatanya Syah Alam di Rimba membunuh anak-anak didik itu”.

Dipetik daripada prosa tradisional “Pelanduk Mengajar Memerang”,

antologi *Baik Budi Indah Bahasa*, Tingkatan 2, KPM

18. Maksud rangkai kata *berkaparan di halaman* ialah

- A. berselerak di dalam
- B. kelaparan di hadapan
- C. terbaring di perkarangan
- D. terkapai-kapai di kawasan

-
19. Pengajaran yang diperoleh daripada petikan prosa tradisional tersebut ialah
- A. Kita hendaklah membuat keputusan dengan adil.
 - B. Kita haruslah menghadap sultan dengan suara yang nyaring
 - C. Kita tidak seharusnya membuat tuduhan tanpa usul periksa
 - D. Kita sewajarnya menjadi pemimpin yang prihatin terhadap kehidupan rakyat.
20. Pernyataan yang berikut benar tentang petikan prosa tradisional di atas, kecuali
- A. Ketujuh-tujuh ekor anak memerang mati
 - B. Memerang membawa ayam untuk anak-anaknya
 - C. Memerang menuduh syah Alam di Rimba membunuh anak-anaknya
 - D. Memerang meninggalkan anak-anaknya di pondok untuk mencari makanan.